

# Kedudukan umat Islam di sini cerah hasil perjuangan Umno

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

Oleh AHMAD PUAD

KUALA LUMPUR, Sabtu — Umat Islam di Malaysia mempunyai pilihan cara hidup yang jelas — menyokong perjuangan UMNO yang lebih menitikberatkan evolusi atau menyokong pihak-pihak yang mendokong revolusi.

Datuk Musa Hitam berkata masa hadapan mereka akan lebih terjamin jika mereka memilih perjuangan UMNO yang menitikberatkan evolusi — selangkah demi selangkah menukar sistem-sistem yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Cara tersebut juga tidak menjejaskan perkembangan ekonomi negara dan matlamat dua serampang Dasar Ekonomi Baru bagi membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Sebaliknya, kata Timbalan Perdana Menteri, jika mereka menyokong pihak-pihak yang mendokong revolusi, iaitu perubahan serta merta, negara akan terencil dari aliran semasa.

Cara kedua juga akan menyokong

umat Islam tertinggal, terencil dan terdedah kepada anasir-anasir penentang Islam sendiri, tambah beliau.

Datuk Musa berkata demikian ketika menutup kursus agama anjuran Biro Agama UMNO Malaysia di sini, hari ini.

Beliau berkata, kedudukan umat Islam di Malaysia ketika ini bertambah cerah hasil dari pencapaian perjuangan UMNO.

"Jika dibiarkan sahaja kepada pihak penghalang dan pemosong, yang dikendong akan terencil dan yang dikejar akan terlepas begitu saja", tegas Datuk Musa.

Beliau yakin melalui perjuangan UMNO berbagai cita-cita perjuangan umat Islam akan dicapai, satu demi satu mengikut suasana dan persekitaran seluruh dunia yang pasti akan berubah dengan kebangkitan kesedaran umat Islam keseluruhannya.

"Melalui cara yang ditunjukkan oleh anasir-anasir negatif, yang memanggii diri mereka Islam dan mengancam umat Islam di luar pengaruhnya sebagai bukan Islam, kehendak mereka untuk

merobohkan semua yang ada bagi membina sesuatu yang baru akan mengakibatkan porak-puranda dan kezalifan hidup umat Islam yang lebih ketara", tambah Datuk Musa.

Beliau juga mengingatkan rakyat supaya mengawasi perbuatan setengah-setengah pihak yang sedang berusaha menggulingkan umat Islam supaya mereka merasa was-was berkecimpung dalam bidang keduniaan.

Katanya, pihak-pihak berkenaan, yang bertujuan politik, lebih suka umat Islam di Malaysia ketinggalan begitu saja, terencil dan dibelenggu oleh kemiskinan.

Sebaliknya, perjuangan UMNO untuk membangunkan kedudukan umat Islam di negara ini dalam berbagai bidang dan aktiviti dunia moden adalah perjuangan bagi menjamin mereka tidak terus ketinggalan.

Beliau berkata, selain daripada perkara-perkara yang bersangkutan dengan ibadat, pembangunan dan kemajuan umat Islam dalam berbagai bidang kegiatan hidup yang lain juga adalah usaha-usaha bagi meningkatkan ahlak Islam.